

DANA BERKAITAN-PELABURAN HLA  
Laporan Prestasi Dana

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014

# Kandungan

	<b>Halaman</b>
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	2 - 3
Objektif Dana	4 - 6
Ulasan Pelaburan	7 - 9
Tinjauan Pelaburan	10
Prestasi Dana Sebanding	11 - 42
Butiran Pelaburan	43 - 62
Penyata Pengarah	63
Laporan Juruaudit Bebas	64 - 66
Penyata Aset dan Liabiliti	67 - 75
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	76 - 84
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	85 - 93
Nota-nota Informasi Kewangan	94 - 97

## Utusan Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada semua pemegang polisi Dana Berkaitan-Pelaburan HLA yang dihargai:

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi Dana Berkaitan Pelaburan HLA untuk tempoh berakhir pada 30 Jun 2014. Tahun ini merupakan tahun yang mencabar kerana pasaran kewangan didominasi oleh ketidakpastian luaran dan domestik. Walau bagaimanapun, dana-dana masih mampu menghasilkan pulangan yang menarik kepada pemegang-polisi. Kami berharap maklumat yang dibentangkan di sini akan memberi manfaat dan maklumat untuk membantu anda membuat keputusan yang betul dan mencapai sasaran pelaburan anda.

Tahun ini sesungguhnya merupakan tahun yang tidak menentu bagi kedua-dua pasaran global dan domestik, di mana ia telah dikuasai oleh gabungan kebimbangan terhadap pengurangan pelonggaran kuantitatif (QE) AS, kebimbangan terhadap kestabilan pertumbuhan China, kehilangan keyakinan dalam pertaruhan Jepun ke atas program pelonggaran kuantitatif dan kualitatif yang besar dan pergolakan politik di beberapa buah negara. Mujurlah, sentimen pelabur kemudiannya bertambah baik berikutan jangkaan pemulihan dalam pertumbuhan AS pada separuh kedua 2014 selepas pertumbuhan KDNK Q1 yang mengecewakan yang terutamanya disebabkan oleh cuaca buruk. Dasar yang dirangsang oleh bank-bank pusat di Jepun dan zon Euro turut memberikan galakan kepada pelabur-pelabur sewaktu kecairan rancak.

Di Malaysia, pasaran tempatan berdepan dengan tekanan jualan apabila Fitch Rating Agency menurunkan taraf tinjauan kredit kedaulatan negara kepada negatif daripada stabil pada 30 Julai 2013, disebabkan kebimbangan terhadap kewangan awam Malaysia yang lemah. FBM KLCI merudum ke bawah paras psikologi 1,800, sebahagiannya disebabkan oleh aliran keluar dana asing yang banyak dari pasaran baru muncul dan penyusutan nilai yang mendadak dalam beberapa mata wang Asia terpilih. Ini diikuti dengan pengumuman pertumbuhan KDNK 2Q yang lebih perlahan daripada jangkaan.

Berikutan itu, aktiviti memburu saham murah kembali apabila pasaran kelihatan terlebih jualan. Pasaran bagi saham syarikat-syarikat bermodal kecil dan sederhana juga kembali aktif apabila pelabur runcit melonjak bersama-sama untuk mencari peluang pembelian. Dana-dana asing kembali ke ekuiti Malaysia bermula dari April 2014, setelah beralih menjadi jualan bersih sejak Jun 2013, berikutan pengumuman pertumbuhan KDNK 1Q yang lebih baik daripada jangkaan sebanyak 6.2% tahun ke tahun. Aliran masuk bersih dana ke bursa tempatan, ditambah dengan kewujudan kecairan domestik yang tinggi, menghasilkan trend menaik dalam pasaran tempatan pada suku akhir tahun kewangan. Akibat daripada itu, indeks penanda aras FBM KLCI bagi tempoh kewangan berakhir Jun 2014 menunjukkan trend yang lebih tinggi sebanyak 6.1% untuk ditutup pada 1,882.71 mata.

Melangkah ke hadapan, dasar kewangan yang berbeza-beza daripada pelbagai bank pusat utama mula muncul, walau bagaimanapun, era kadar faedah rendah dilihat akan berterusan sehingga sekurang-kurangnya tahun 2015 yang merupakan suatu keadaan yang positif bagi ekuiti. Ini kerana pertumbuhan ekonomi di AS, China dan Jepun yang menunjukkan beberapa tanda pemulihan dan kestabilan masih lagi rapuh. Bagi zon Euro, yang berkemungkinan teruk sudah berakhir tetapi laluan ke arah pemulihan ekonomi sepenuhnya masih panjang.

Di Malaysia, kita berkemungkinan akan menyaksikan kerajaan terus memberi tumpuan kepada pengukuhan kedudukan fiskal melalui langkah-langkah perasionalan subsidi dengan potensi kenaikan harga minyak dan elektrik sekali lagi, serta pelaksanaan GST sebanyak 6% bermula dari April 2015. Langkah-langkah ini berpotensi untuk melembapkan permintaan domestik tetapi pertumbuhan ekonomi berkemungkinan akan disokong oleh pertumbuhan pelaburan apabila negara memasuki tahun keempat pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi ("ETP"). Pemulihan dalam eksport negara yang diterajui oleh pertumbuhan ekonomi global, yang telah pulih untuk mencatatkan angka tahun ke tahun yang positif, akan turut merangsang pertumbuhan.

## Utusan Ketua Pegawai Eksekutif

Walau bagaimanapun, penarafan semula selanjutnya dalam bursa tempatan mungkin dihadkan oleh pertumbuhan perolehannya yang suram dan penilaian pasaran yang mahal. Namun, pendekatan yang tekun ke arah melabur sepatutnya dapat membantu kami untuk mengekalkan prestasi cemerlang kami kerana kami terus mencari saham-saham di bawah nilai yang akan menghasilkan pertumbuhan pesat pada tahun-tahun akan datang. Kami juga mengguna pakai strategi untuk terus mengutamakan pilihan saham minyak dan gas yang disebabkan oleh aliran berita yang kekal positif dan saham syarikat bermodal besar yang menawarkan hasil dividen yang menarik.

Bagi pendapatan tetap, pasaran bon dijangka akan menjadi tidak menentu melangkah ke hadapan apabila ia terus dipengaruhi oleh pertumbuhan tempatan dan global serta dasar kewangan yang dilaksanakan oleh pelbagai bank pusat. Oleh sebab Bank Negara Malaysia (“BNM”) mungkin ingin memulihkan keadaan kewangan dan menangani ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan secara lebih meluas, kami menjangkakan terdapat potensi kenaikan kadar sebanyak 25 hingga 50 mata asas dalam beberapa suku akan datang. Meskipun demikian, kecairan yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan dijangka akan mengekalkan hasil bon menjadi stabil disebabkan oleh permintaan masih kekal kukuh. Oleh itu, melangkah ke hadapan, dana akan terus menerima pakai strategi “purata kos dolar” dengan mengambil bahagian secara terpilih dalam terbitan primer dan membeli apabila berpeluang dalam pasaran sekunder.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan keyakinan anda yang berterusan kepada kami. Seperti biasa, saya amat berbangga kerana dapat berkhidmat kepada anda dan kami akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan produk-produk yang terbaik kepada anda. Bersama-samalah kita mengharapkan tahun akan datang yang lebih cemerlang.

Loh Guat Lan  
Ketua Pegawai Eksekutif

## Objektif Dana

### HLA VENTURE GROWTH FUND

Menurut takrif, HLA Venture Growth Fund melabur dalam saham-saham yang memberi pulangan melebihi purata. Namun, saham-saham sedemikian lebih cenderung kepada perubahan kerana syarikat-syarikat ini bergantung kepada ragam pasaran. Untuk mengurangkan ketidakstabilan Dana, pelaburan dalam saham cip biru akan dilaksanakan dengan syarat saham tersebut menunjukkan pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding lain-lain saham kecil yang berkembang. Dana juga akan melabur dalam saham terpilih bagi mengambil kesempatan daripada situasi tertentu seperti penstrukturan korporat, penggabungan dan pengambilalihan. Objektif utama Dana adalah menyediakan para pelabur dengan peluang untuk mendapatkan pertumbuhan modal yang menarik pada tahap risiko yang boleh dikendalikan bagi jangka sederhana hingga panjang dengan melabur di syarikat-syarikat yang berpotensi untuk peningkatan perolehan yang melebihi purata.

### HLA VENTURE BLUE CHIP FUND

HLA Venture Blue Chip Fund akan fokus dalam saham-saham 'cip biru' dengan potensi pulangan modal dan hasil dividen yang baik secara munasabah, terutamanya saham-saham komponen utama Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Lumrahnya, Dana mempunyai risiko yang lebih rendah daripada Growth Fund; risiko/ketidakstabilan Dana akan setanding dengan KLCI. Walaupun Dana dijangka mengatasi prestasi KLCI, namun potensi pulangan dijangka tidak akan melebihi pulangan Growth Fund. Dana ini sesuai untuk para pelabur yang ingin mendapatkan prestasi ekuiti yang sederhana sementara mengambil risiko ekuiti yang juga sederhana.

### HLA VENTURE DANA PUTRA

Objektif HLA Venture Dana Putra adalah untuk mencapai pertumbuhan modal bagi jangka sederhana hingga panjang dengan hanya melabur menurut prinsip-prinsip Syariah.

### HLA VENTURE INCOME FUND

HLA Venture Income Fund hanya melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti kertas hutang yang diterbitkan atau dijamin kerajaan, Sekuriti Hutang Swasta ("PDS") dan instrumen pasaran wang termasuklah simpanan tetap ("FD"). Objektif Dana adalah untuk memberikan pemegang polisi pulangan yang sebanding dengan kadar faedah semasa tetapi risiko yang ternyata lebih rendah berbanding risiko pelaburan ekuiti. Maka, dana ini akan melabur sebahagian besarnya dalam instrumen pasaran wang yang berjangka pendek hingga sederhana. Dana akan dilaburkan secara sepenuhnya untuk memberikan para pelabur pendedahan maksimum dalam sekuriti pendapatan tetap.

### HLA VENTURE MANAGED FUND

HLA Venture Managed Fund bertujuan untuk menyediakan para pelabur prospek kenaikan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelbagai instrumen pasaran modal termasuk ekuiti, sekuriti kerajaan, sekuriti hutang swasta, instrumen pasaran wang serta aset luar negara dan terbitan-terbitan asing. Dana ini sesuai bagi para pelabur yang sanggup mengambil risiko sederhana kerana pelaburan adalah kebanyakannya dalam instrumen pendapatan tetap sementara pendedahan ekuiti adalah terhad sehingga maksimum 50%.

## Objektif Dana

### HLA VENTURE GLOBAL FUND

HLA Venture Global Fund melabur dengan, tetapi tidak terhad kepada HLG Global Resource Income Fund, HLG Asia-Pacific Dividen Fund dan HLG Strategic Fund yang menggunakan ekuiti, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang sebagai aset dasar mereka.

### HLA VENTURE FLEXI FUND

Objektif HLA Venture Flexi Fund adalah untuk menyediakan para pelabur peluang untuk menikmati kenaikan modal jangka sederhana hingga panjang daripada sektor semasa dan tema pelaburan di pasaran ekuiti Malaysia.

### HLA INCOME BUILDER FUND

HLA Income Builder Fund bertujuan untuk menyediakan pendapatan tetap dan kenaikan modal jangka sederhana dengan melabur dalam Indeks HLA Income Builder sementara menyediakan 100% jaminan modal pada akhir tempoh matang 6 tahun.

Indeks HLA Income Builder bertujuan untuk mendapatkan keuntungan daripada aliran komoditi dengan bantuan Isyarat Dagangan (Trading Signal) yang membolehkan Indeks HLA Income Builder memperoleh faedah daripada kedua-dua aliran kitaran komoditi yang naik dan turun, lalu, menyediakan peluang untuk meraih keuntungan dalam kedua-dua pasaran menaik dan menurun.

### HLA EVERGREEN FUNDS

Dana ini dirangka untuk memberikan para pelabur perlindungan modal dan keuntungan yang lebih baik melalui pelaburan yang sistematik dalam strategi jual beli pelbagai aset secara global jangka panjang dan pendek (ekuiti, mata wang, faedah, komoditi, hartanah, strategi dana lindung nilai). Strategi utama pelaburan dilaksanakan melalui kaedah pengoptimuman portfolio. Dana adalah dana terbuka dengan tarikh matang yang ditetapkan. Pelaksanaan pelaburan dicapai melalui Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("FRNID") yang diterbitkan oleh CIMB Bank Berhad.

### HLA CASH FUND

Dana ini bertujuan untuk memberikan perlindungan prinsipal yang tinggi dan pulangan yang tetap dan berterusan kepada para pelabur dengan melabur dalam instrumen pasaran wang. Pulangan adalah sebanding dengan kadar dasar semalaman semasa tetapi dengan risiko yang ternyata lebih rendah daripada risiko pelaburan ekuiti.

## Objektif Dana

### HLA SECURE FUND

Strategi ini adalah untuk menyediakan para pelabur akses terhadap portfolio pelaburan yang pelbagai dengan campuran ekuiti dan instrumen pendapatan tetap. Dana akan melabur terutamanya dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang, repo dan deposit dengan institusi kewangan yang menyediakan pendapatan tetap serta dalam saham berdividen tinggi untuk meningkatkan pulangan dana. Keputusan peruntukan aset antara instrumen pendapatan tetap dan ekuiti diputuskan selepas mempertimbangkan prospek pendapatan tetap dan pasaran ekuiti dalam ufuk jangka sederhana hingga jangka panjang. Pada peringkat awal, dana akan melabur dengan diperantara ke dalam Hwang Select Income Fund, yang diuruskan oleh Hwang Investment Management Berhad, dengan pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Hwang Select Income Fund dengan dana(-dana) lain pada masa hadapan.

### HONG LEONG SMART GROWTH FUND

Objektif utama dana ini adalah untuk menyediakan pelabur dengan pertumbuhan modal jangka panjang. Dana ketika ini diperantara ke dalam Kenanga Growth Fund yang melabur dalam portfolio pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat di Malaysia, yang mempunyai model perniagaan yang mampan yang diniagakan pada diskaun kepada nilai intrinsiknya.

### HLA DANA SURIA

HLA Dana Suria menyediakan para pelabur akses yang mampu milik kepada portfolio pelaburan yang pelbagai yang menawarkan pulangan yang tetap dan berterusan sepanjang ufuk pelaburan jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti tempatan dan global dan sekuriti berpendapatan tetap yang mematuhi keperluan Syariah.

Dana akan melabur dengan diperantara ke dalam Hong Leong Dana Maa'rof (diuruskan oleh Hong Leong Asset Management) dan HLA Venture Dana Putra dengan pilihan untuk menambah bilangan dana atau menggantikan dana pada masa hadapan.

Hong Leong Dana Maa'rof akan melabur minimum 40% dan maksimum 60% daripada Nilai Aset Bersihnya ("NAB") dalam ekuiti patuh Syariah manakala HLA Venture Dana Putra akan melabur sehingga maksimum 90%, tetapi tidak kurang daripada 40% daripada NAB Dana dalam ekuiti.

# Ulasan Pelaburan

## Pasaran Ekuiti

Indeks Komposit FBM Kuala Lumpur (1 Julai 2013 – 30 Jun 2014)



Bagi tempoh di bawah semakan, arah pasaran ekuiti global ditentukan oleh ulasan yang dibuat oleh Rizab Persekutuan (Fed) AS mengenai arah kadar faedah dan tirus daripada program pembelian semula bon. Pasaran juga tertakluk kepada turun naik apabila data makro ekonomi menunjukkan bahawa terdapat beberapa ekonomi utama yang baru muncul, yang dahulunya merupakan bahagian ekonomi yang cerah seperti China dan India akan menghadapi asas yang sedang merosot lemah dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Pada peringkat domestik, Malaysia memulakan tempoh di bawah semakan dengan mod suram selepas Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan peraturan pinjaman yang lebih ketat untuk mengawal peningkatan hutang isi rumah yang telah meningkat kepada 83% daripada KDNK. Sentimen negatif kemudiannya bertambah buruk apabila Fitch Rating Agency menyemak tinjauannya ke atas Malaysia daripada “stabil” kepada “negatif”. Penurunan gred yang mengejutkan tersebut dilihat secara negatif oleh pasaran kerana ia berpotensi untuk menaikkan kos pinjaman negara dan menyebabkan pembalikan aliran dana. Pertumbuhan KDNK 2Q pada 4.3% tahun ke tahun juga mengecewakan, dan ini menggesa BNM untuk menyemak unjuran KDNKnya ke bawah bagi setahun penuh daripada 5-6% kepada 4.5-5%. Walau bagaimanapun, menjelang akhir September 2013 di sebalik kebimbangan geopolitik ke atas Syria, sentimen pulih berikutan dengan pengumuman data ekonomi yang memberangsangkan dari China, Jepun dan zon Euro.

Sentimen pelabur menjadi lebih rancak menjelang akhir 2013 apabila KLCI menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tempoh sebelum pilihan raya umum UMNO dan Bajet 2014. Secara khususnya, pembentangan Bajet 2014 membantu meredakan kebimbangan awal terhadap ketidakseimbangan dalam ekonomi Malaysia iaitu defisit bajet dan kebimbangan terhadap akaun semasa yang semakin berkurangan dengan pengumuman tentang pelaksanaan Cukai Jualan Kerajaan (GST) menjelang Mei 2015. Langkah-langkah perasionalan subsidi turut dibentangkan yang membuktikan lagi kesungguhan Kerajaan untuk mengekang perbelanjaan fiskal. Oleh itu, KLCI mula mencatatkan paras tinggi baharu yang juga disebabkan minat terhadap bursa tempatan di mana kami menyaksikan kejayaan penyenaian 2 nama korporat yang besar dan berkualiti iaitu UMW Oil & Gas dan Westports.



## Ulasan Pelaburan

### Pasaran Ekuiti (Samb.)

Walau bagaimanapun, 2014 bermula dengan nada negatif dengan pasaran membalikkan semua keuntungan yang telah dicapai pada Disember kerana pasaran dipengaruhi oleh berita tentang pembubaran Pelonggaran Kuantitatif (QE), ketidaktentuan antara bank dan masalah perbankan bayangan di China, kenaikan kadar faedah tergesa-gesa di negara-negara maju utama termasuk Turki, India dan Afrika Selatan serta ketegangan yang semakin meruncing di Ukrain.

Sentimen di bursa tempatan kemudiannya berbalik dan rali dengan kukuh apabila KDNK 1Q14 menunjukkan angka yang kukuh pada +6.2% tahun ke tahun, mengatasi jangkaan konsensus disokong oleh eksport dan perbelanjaan pengguna yang teguh. Ini menarik pelabur-pelabur asing untuk kembali ke pasaran Malaysia, menolak indeks ke paras tinggi yang baharu pada 1892.33 mata pada 24 Jun. Turut membantu pasaran ialah ulasan oleh Bank Pusat Eropah bahawa mereka akan meneruskan dasar kewangan yang amat akomodatif, pendirian yang turut diterima pakai oleh Bank of Japan, menunjukkan bahawa tempoh kecairan yang tinggi akan berterusan walaupun terdapat pengetatan oleh Fed.

Bagi pasaran rantau, bursa Asean menunjukkan prestasi yang agak tidak menentu dengan Indonesia dan Thailand masing-masing hanya naik sebanyak 1.24% dan 2.33% bagi tempoh di bawah semakan. Kedua-dua pasaran dibebani oleh kebimbangan politik dengan Thailand menghadapi kebuntuan politik manakala Jakarta menghadapi pertandingan sengit bagi pilihan raya presiden yang membawa kepada kekosongan politik bagi separuh pertama 2014. Bagi pasaran-pasaran di mana dana mengambil bahagian, Hong Kong menunjukkan prestasi terbaik, meningkat 11.48%. Ini disokong oleh prestasi yang lebih kukuh daripada saham internet dan hartanah berkaitan China apabila Presiden China, Xi Jinping memulakan siri reformasi untuk mengubah ekonomi daripada diterajui pelaburan kepada diterajui penggunaan.

Bagi tempoh kewangan berakhir Jun 2014, FBM KLCI berakhir lebih tinggi pada 1,882.71 mata, meningkat 6.1% daripada setahun lalu manakala Indeks FBM Emas melonjak 8.9% untuk ditutup pada 13,387.3 mata.

## Ulasan Pelaburan

### Pasaran Pendapatan Tetap

Tahun kewangan di bawah semakan merupakan tahun yang penuh dengan peristiwa bagi pasaran pendapatan tetap bermula dengan nada bearis di mana hasil bon kerajaan Malaysia (MGS) meningkat seiring dengan aliran dunia. Ini terutamanya disebabkan jangkaan pengurangan program pembelian aset QE oleh Fed. Dengan ini, pasaran meramalkan peralihan keluar modal dari pasaran baru muncul disebabkan dinamik sebab dan akibat pelonggaran kuantitatif. Oleh itu, tekanan menjual muncul, menyebabkan julat kredit meluas dan kecairan pasaran lenyap.

Oleh yang demikian, pelabur asing merupakan penjual yang besar dengan jumlah dagangan tertinggi dicatatkan pada Julai 2013 sebanyak RM12.3 bilion. Ini kemudiannya berbalik pada Oktober 2013 selepas Fed menanggukkan pelaksanaan pengurangan bon untuk memastikan pertumbuhan kekal selepas mengalami penurunan pertumbuhan selama 3 bulan yang diburukkan lagi oleh kelembapan pasaran perumahan AS. Hasilnya, bon Malaysia mula mendapat minat semula kerana pembawaan positif berbanding kadar AS kelihatan akan berterusan buat masa ini. Dengan itu, Ringgit meningkat kepada tahap tertinggi dalam setahun pada RM3.12 berbanding dolar AS disebabkan aliran masuk pembelian asing yang kukuh.

Menjelang akhir 2013, kedua-dua hasil bon kerajaan dan korporat kelihatan meningkat semula berikutan krisis had hutang AS dan juga jangkaan pengumuman pengurangan bon oleh Fed. Apabila Fed akhirnya mengumumkan pada mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) Disember 2013 bahawa ia akan mengurangkan USD10 bilion daripada pembelian bon bulanan bermula Januari dan menegaskan bahawa kadar faedah akan kekal rendah untuk sementara waktu, tekanan menjual dalam pasaran bon berkurang.

Walau bagaimanapun, tekanan menjual muncul semula pada Mac, dicetuskan oleh pengumuman angka inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan bagi Malaysia, memberi petunjuk yang BNM akan menaikkan kadar dengan lebih cepat. Penjualan tersebut tertumpu terutamanya pada bon dengan tenor pendek ke sederhana sebelum ia menjadi stabil pada April walaupun kestabilan tersebut adalah bersifat sementara. Tekanan menjual bermula semula pada Mei dan Jun, berikutan kenyataan yang lebih tegas oleh BNM dan jangkaan kenaikan kadar yang tidak dapat dielakkan yang dijangka akan berlaku seawal Julai 2014. Ini menyebabkan hasil MGS 3 dan 5 tahun meningkat sebanyak 16 dan 11 mata asas.

Walaupun demikian, pemegangan asing dalam bon kerajaan Malaysia terus kekal tinggi sepanjang separuh kedua tahun kewangan, secara konsisten melebihi 44%. Bagi pasaran hutang swasta (PDS), julat kredit mengecil dalam separuh pertama tahun kewangan tetapi meluas dengan ekstensif pada separuh kedua. Secara umumnya kenaikan dalam hasil PDS diterajui oleh kertas dengan tenor sederhana hingga panjang merentasi spektrum AAA dan AA.

## Tinjauan Pelaburan

Menuju ke hadapan, pasaran ekuiti Malaysia berkemungkinan akan ditentukan oleh kekuatan ekonomi global, perubahan dalam jangkaan mengenai pengaturan masa dan kepantasan kitaran kenaikan kadar AS dan pada peringkat tempatan, pertumbuhan perolehan korporat. Ketika negara memasuki tahun keempat pelaksanaan pelbagai program ekonomi, pertumbuhan pelaburan berkemungkinan akan kekal agak teguh. Ini kerana projek-projek infrastruktur bersaiz besar ini memerlukan tempoh pembinaan yang lama.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan domestik akan diuji pada 2015 disokong oleh perasionalan subsidi yang sedang dilaksanakan, pelaksanaan GST 6% pada April 2015 dan potensi langkah-langkah pengetatan selanjutnya untuk melambatkan pertumbuhan hutang isi rumah. Sebaliknya, kadar simpanan yang tinggi, kepenggunaan yang meningkat disebabkan demografi penduduk muda dan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan akan memberikan sedikit daya tahan dalam perbelanjaan pengguna. Pemulihan eksport yang mampan disokong oleh latar belakang ekonomi global yang bertambah baik akan turut mengimbangi sebarang kesederhanaan dalam pertumbuhan permintaan domestik.

Walaupun turun naik yang rendah dan kecairan global yang mampan, penarafan semula selanjutnya dalam KLCI mungkin dihadkan oleh penilaian pasaran yang agak mahal pada 16x nisbah harga perolehan bagi FY15 dan momentum pertumbuhan perolehan korporat yang suram. Meskipun sedemikian, pencapaian dana yang mengatasi prestasi secara berterusan boleh dicapai dengan analisis yang teliti kerana masih terdapat sesetengah syarikat yang akan menunjukkan pertumbuhan eksponen yang kukuh dan masih didagangkan pada penilaian yang munasabah. Kami terus mengutamakan saham minyak dan gas terpilih oleh sebab aliran berita akan kekal positif serta saham syarikat bermodal besar yang ketinggalan yang menawarkan hasil dividen yang menarik.

Bagi pasaran pendapatan tetap, tumpuan masih pada arah kadar faedah AS. Inflasi yang senyap sepanjang beberapa bulan yang lepas, bekalan terkurang Perbendaharaan AS dan "garis panduan hadapan" daripada ketua Fed, Janet Yellen baru-baru ini telah membantu untuk mengekalkan hasil Perbendaharaan AS rendah. Walau bagaimanapun, keluk hasil Perbendaharaan AS dijangka akan beransur-ansur mencuram menjelang 2015 dengan jualan bersih lebih bagi kertas tenor lebih lama apabila aktiviti ekonomi AS dan turun naik pasaran global mula pulih. Ini juga akan bersesuaian dengan waktu Fed dijangka menaikkan kadar kerana semasa ini mereka masih mengekalkan dasar kewangan yang akomodatif untuk memastikan pertumbuhan mampan.

Sebaliknya, hasil bon di Asia dijangka akan lebih mampat terutamanya pada hujung keluk hasil yang lebih panjang, didorong terutamanya oleh turun naik yang rendah dan pemburuan hasil kerana pasaran kelihatan sudah biasa dengan pengurangan bon dan penormalan hasil berkaitan tahap inflasi.

Bagi Malaysia, kebimbangan terus meningkat dengan ketidakseimbangan kewangan yang telah menyebabkan pasaran menjangkakan potensi kenaikan kadar sebanyak 25-50 mata asas lagi oleh BNM dalam beberapa suku akan datang. Di tengah-tengah spekulasi kenaikan kadar tersebut, pemegangan asing dalam MGS juga semakin meningkat disebabkan tinjauan Ringgit yang positif.

Dari segi strategi ketika kami memasuki 2015, hasil bon dijangka akan menjadi sangat tidak menentu kerana ia tertakluk kepada asas ekonomi tempatan dan global yang dinamik dan sangat bergantung pada kenyataan daripada pelbagai bank pusat. Juga buat kali pertama sejak krisis kewangan 2009 terdapat dasar kewangan yang berbeza-beza di kalangan bank pusat utama. Walau bagaimanapun, kecairan yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan akan membantu menyederhanakan kesan tersebut kerana masih terdapat permintaan bagi bon daripada pelbagai dana tempatan. Kami akan terus menerima pakai strategi "purata kos dolar" dengan mengambil bahagian secara terpilih dalam terbitan primer di samping membeli secara terpilih dalam pasaran sekunder apabila terdapat sebarang penjualan.


# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE GROWTH FUND

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencatatkan pulangan sebanyak 7.5% mengatasi prestasi pulangan penanda aras FBM KLCI sebanyak 6.2%. Dana memulakan tahun kewangan dengan pelaburan yang agak tinggi pada 90% pendedahan dalam ekuiti tetapi beransur-ansur mengurangkannya kepada 85% menjelang akhir Disember 2013 apabila pasaran mula dibanjiri dengan aktiviti hiasan luar. Apabila pasaran menjunam pada Januari 2014 disebabkan kebimbangan terhadap isu perbankan bayangan di China, Dana mengambil peluang untuk memasuki semula pasaran terutamanya dalam sektor Barangan Pengguna dan Industri. Dana turut mengambil bahagian dalam tawaran awal permulaan ("IPO") utama yang besar iaitu UMW Oil and Gas serta Westports. Wajaran dalam Kewangan dan Harta Tanah dikurangkan disebabkan pandangan yang berhati-hati ke atas sektor-sektor ini. Pelaburan asing kekal pada 15% daripada NAB, merentasi negara-negara Asia iaitu Hong Kong, Singapura, Thailand dan Indonesia. Secara purata, Dana melaburkan kira-kira 88% daripada jumlah NAB dalam ekuiti. Dana terus mengutamakan saham minyak dan gas oleh sebab aliran berita akan kekal positif dalam setahun akan datang dan saham pertumbuhan di bawah nilai dengan hasil dividen yang agak memuaskan yang ketinggalan pasaran keseluruhan.

**Pada 30 Jun 2014**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE GROWTH FUND

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Jumlah NAB (RM'000)	376,725	343,365	282,049	269,159	210,513
Bilangan unit ('000)	170,081	166,636	155,975	145,607	134,592
NAB seunit (RM)	2.215	2.061	1.808	1.849	1.564
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.227	2.140	1.855	1.858	1.605
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.967	1.809	1.519	1.554	1.309
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	7.47%	13.99%	-2.22%	18.22%	18.15%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	7.47%	13.99%	-2.22%	18.22%	18.15%
- 3 tahun	6.56%	10.55%	12.14%	11.18%	-0.19%
- 5 tahun	13.43%	9.77%	2.99%	10.30%	5.80%
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	6.16%	10.91%	1.27%	20.17%	22.21%
- 3 tahun	6.41%	11.66%	16.24%	11.03%	-0.99%
- 5 tahun	15.02%	9.89%	3.61%	14.53%	8.33%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Ekuiti disebut harga	87.17	86.42	74.88	80.39	73.28
Unit amanah dan amanah pelaburan hartanah ("REIT") disebut harga	0.44	3.65	0.80	0.77	0.92
Aset-aset derivatif	0.10	0.02	-	-	-
Tunai dan setara tunai	13.52	9.98	23.87	19.48	25.96
Lain-lain	(1.23)	(0.07)	0.45	(0.64)	(0.16)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>


<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Pembinaan	7.65	8.35	8.89	11.57	7.36
Produk pengguna	6.24	4.21	3.88	3.54	3.76
Kewangan	16.34	18.64	14.02	14.54	22.58
Produk industri	10.23	5.11	8.75	12.87	22.87
Infrastruktur	0.49	1.77	2.49	1.14	5.18
Perladangan	12.70	12.65	13.47	11.03	7.81
Hartanah	9.43	13.09	5.47	7.29	2.38
Teknologi	-	-	2.21	0.45	1.95
Perdagangan/perkhidmatan	36.72	36.18	40.68	37.40	26.11
Warran	0.20	-	0.14	0.17	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE BLUE CHIP FUND

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana memberikan pulangan sebanyak 15.2%, secara nyata mengatasi pulangan penanda aras FBM KLCI sebanyak 6.2%. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh prestasi kukuh dengan pemegangan teras dana seperti Yinson, Tenaga dan Globetronics, antara lainnya. Dana memulakan tahun kewangan dengan tahap ekuiti 80% dan beransur-ansur meningkat kepada 92% sepanjang tahun. Pendedahan dalam Barangan Industri dan Dagangan dan Perkhidmatan adalah lebih tinggi manakala wajaran dalam Kewangan dan Perladangan dikurangkan. Dana turut mengambil bahagian dalam IPO yang besar iaitu UMW Oil and Gas dan Westports. Pelaburan asing kini berada pada 7% daripada NAB, dalam negara-negara seperti Hong Kong, Singapura dan Thailand. Secara puratanya, Dana melaburkan kira-kira 84% daripada jumlah NAB dalam ekuiti. Dana terus mengutamakan saham minyak dan gas terpilih oleh sebab aliran berita akan kekal positif dalam setahun yang akan datang dan saham cip biru yang di bawah nilai dengan hasil dividen yang agak memuaskan yang ketinggalan pasaran keseluruhan.

**Pada 30 Jun 2014**  
**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE BLUE CHIP FUND

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Jumlah NAB (RM'000)	189,851	152,767	124,652	115,022	88,696
Bilangan unit ('000)	76,931	71,314	67,610	64,133	59,566
NAB seunit (RM)	2.468	2.142	1.844	1.793	1.489
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.479	2.190	1.848	1.794	1.506
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.081	1.844	1.567	1.469	1.261
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	15.22%	16.16%	2.84%	20.41%	17.04%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	15.22%	16.16%	2.84%	20.41%	17.04%
- 3 tahun	12.52%	14.60%	14.94%	11.40%	0.01%
- 5 tahun	18.77%	12.06%	4.78%	11.29%	6.07%
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	6.16%	10.91%	1.27%	20.17%	22.21%
- 3 tahun	6.41%	11.66%	16.24%	11.03%	-0.99%
- 5 tahun	15.02%	9.89%	3.61%	14.53%	8.33%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Ekuiti disebut harga	86.85	72.07	69.73	69.80	63.46
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	7.30	9.63	6.58	5.28	3.50
Aset-aset derivatif	0.02	-	-	-	-
Tunai dan setara tunai	8.06	19.68	24.81	26.42	33.41
Lain-lain	(2.23)	(1.38)	(1.12)	(1.50)	(0.37)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>


<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Pembinaan	6.68	7.21	7.26	9.31	8.85
Produk pengguna	3.07	2.44	1.54	1.54	1.70
Kewangan	13.18	18.16	19.59	19.16	17.05
Produk industri	10.53	7.26	6.95	9.73	10.46
Infrastruktur	1.99	3.78	4.48	4.07	6.72
Perladangan	9.75	14.22	17.72	13.87	12.88
Hartanah	7.77	5.18	3.78	6.00	4.35
Teknologi	4.21	2.55	0.87	1.11	2.21
Perdagangan/perkhidmatan	42.72	39.20	37.73	35.01	35.78
Warran	0.10	-	0.08	0.20	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE DANA PUTRA

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana terus menikmati pulangan yang kukuh, dengan keuntungan sebanyak 16.6% berbanding 8.9% yang dicatat oleh Indeks FBM Emas Syariah. Prestasi kukuh tersebut boleh dikaitkan kepada rali dalam saham-saham seperti Tenaga, Globetronics dan QL, yang mana Dana mempunyai pendedahan yang ketara. Dana bermula dengan pendedahan sebanyak 83% dalam ekuiti dan meningkat kepada 88% pada Februari 2014 sebelum menurun kepada 77% pada akhir Jun 2014 disebabkan aliran masuk dana. Pelaburan dibuat dalam sektor Pengguna, Barangan Industri dan Teknologi manakala pendedahan dalam Pembinaan serta Dagangan dan Perkhidmatan dikurangkan. Secara purata, Dana melaburkan kira-kira 83% daripada jumlah NAB dalam ekuiti. Dana terus mengutamakan saham minyak dan gas terpilih oleh sebab aliran berita akan kekal positif dalam setahun yang akan datang dan saham syariah di bawah nilai dengan hasil dividen yang memuaskan yang ketinggalan pasaran keseluruhan. Dana akan juga menjual dan mengelakkan saham yang mungkin akan dikeluarkan daripada senarai patuh Syariah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

### Pada 30 Jun 2014 Perubahan harga, pengiraan diindekskan





## Prestasi Dana Sebanding

### HLA VENTURE DANA PUTRA

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Jumlah NAB (RM'000)	60,367	46,510	35,032	33,137	27,134
Bilangan unit ('000)	23,372	20,989	18,755	17,419	15,876
NAB seunit (RM)	2.583	2.216	1.868	1.902	1.709
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.596	2.264	1.911	1.950	1.795
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.152	1.840	1.540	1.688	1.488
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	16.56%	18.63%	-1.79%	11.29%	13.60%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	16.56%	18.63%	-1.79%	11.29%	13.60%
- 3 tahun	11.86%	9.86%	8.01%	6.36%	0.12%
- 5 tahun	14.30%	7.75%	1.94%	9.83%	7.33%
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMEmas Shariah)					
- 1 tahun	8.89%	11.74%	4.62%	18.67%	17.71%
- 3 tahun	9.10%	13.43%	15.93%	7.04%	-2.24%
- 5 tahun	15.96%	8.64%	3.42%	13.76%	8.48%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Ekuiti disebut harga	77.95	83.63	79.23	78.84	64.86
Tunai dan setara tunai	23.97	17.42	20.66	22.68	36.03
Lain-lain	(1.92)	(1.05)	0.11	(1.52)	(0.89)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>


<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Pembinaan	13.24	15.42	17.70	22.11	7.14
Produk pengguna	6.57	4.93	4.53	4.87	8.58
Kewangan	5.72	6.08	4.99	2.29	-
Produk industri	10.92	4.41	8.24	15.54	25.16
Infrastruktur	-	1.52	2.35	-	4.94
Perladangan	11.13	10.67	11.47	9.18	13.09
Hartanah	8.71	7.57	6.32	8.06	0.94
Teknologi	6.12	4.62	5.34	5.55	7.42
Perdagangan/perkhidmatan	37.33	44.71	38.75	32.40	32.73
Warran	0.26	0.07	0.31	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE INCOME FUND

Bagi tahun kewangan di bawah semakan, Dana berjaya mencapai pulangan sebanyak 4.17%. Sejak ia bermula Dana telah berjaya mengatasi prestasi sebanyak 1.07% berbanding dengan penanda aras. Prestasi yang lebih baik tersebut adalah terutamanya disebabkan aktiviti dagangan dalam bon asing dan pemampatan hasil dalam pasaran MGS dan PDS. Pada 30 Jun 2014, Dana melaburkan 93.53% dalam bon. Portfolio bon merangkumi pemegangan dalam Aset Berisiko Rendah dan Kertas Kredit dengan wajaran masing-masing sebanyak 2.84% dan 90.69%. Dana akan meneruskan pembelian terpilih dalam bon asing bagi mempertingkatkan hasil.

**Pada 30 Jun 2014**  
**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### HLA VENTURE INCOME FUND

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Jumlah NAB (RM'000)	89,139	84,682	69,580	58,519	48,430
Bilangan unit ('000)	47,770	47,352	41,660	36,755	32,131
NAB seunit (RM)	1.866	1.788	1.670	1.592	1.507
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.866	1.798	1.672	1.593	1.507
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.782	1.669	1.593	1.507	1.425
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	4.36%	7.07%	4.90%	5.62%	5.81%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	4.36%	7.07%	4.90%	5.62%	5.81%
- 3 tahun	5.72%	6.21%	5.75%	5.34%	3.64%
- 5 tahun	6.20%	6.06%	4.58%	5.11%	4.02%
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan (3-Bln Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	3.10%	3.08%	3.07%	2.43%	2.16%
- 3 tahun	3.18%	2.94%	2.62%	2.57%	2.87%
- 5 tahun	2.92%	2.89%	2.93%	2.98%	2.95%


<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	4.99	3.63	4.47	5.28	18.00
Sekuriti hutang disebut harga	3.23	14.50	26.26	-	0.01
Sekuriti hutang tidak disebut harga	85.42	62.59	67.22	82.42	77.12
Deposit tetap dan panggilan	-	-	-	3.26	3.94
Aset-aset derivatif	-	-	0.02	-	-
Tunai dan setara tunai	4.66	19.77	2.87	8.29	1.57
Lain-lain	1.70	(0.49)	(0.84)	0.75	(0.64)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE MANAGED FUND

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, NAB Dana mencapai 4.7%, sejajar dengan prestasi penanda aras. Dana mengambil peluang untuk meningkatkan pendedahan ekuiti pada Ogos 2013 apabila Fitch Rating menyemak tinjauan penarafan kredit kedaulatan Malaysia daripada neutral kepada negatif yang menyebabkan jualan panik dalam pasaran. Walau bagaimanapun, dana mengurangkan tahap ekuitinya menjelang akhir tahun apabila pasaran melonjak kepada paras rekod tertinggi berikutan aktiviti hiasan luar. Secara puratanya, Dana melaburkan kira-kira 45% daripada jumlah NAB ke dalam ekuiti. Pendedahan dalam sektor Barangan Pengguna dan Industri adalah lebih tinggi tetapi rendah dalam sektor Pembinaan dan Kewangan. Bagi bahagian pendapatan tetap, dagangan dalam bon asing dan pemampatan hasil menyumbang kepada prestasi Dana.

**Pada 30 Jun 2014**  
**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### HLA VENTURE MANAGED FUND

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Jumlah NAB (RM'000)	128,066	107,649	79,627	68,497	52,752
Bilangan unit ('000)	65,735	57,873	47,269	41,161	35,897
NAB seunit (RM)	1.948	1.860	1.685	1.664	1.470
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.956	1.886	1.692	1.667	1.490
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.815	1.686	1.513	1.465	1.317
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	4.73%	10.39%	1.26%	13.23%	11.01%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	4.73%	10.39%	1.26%	13.23%	11.01%
- 3 tahun	5.65%	8.84%	9.05%	8.12%	2.17%
- 5 tahun	9.40%	7.80%	4.42%	11.17%	8.48%
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan (50%FBMKLCI+50%Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	4.68%	7.42%	1.79%	12.07%	12.20%
- 3 tahun	4.82%	7.55%	9.42%	6.33%	-0.59%
- 5 tahun	8.84%	6.51%	3.25%	7.41%	4.29%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>
Ekuiti disebut harga	42.44	42.47	35.61	44.84	39.93
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	1.37	1.19	0.46	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	2.69	1.91	5.17	5.97	3.81
Sekuriti hutang disebut harga	-	4.84	17.65	-	-
Sekuriti hutang tidak disebut harga	45.09	39.17	32.08	39.83	48.39
Tunai dan setara tunai	8.63	10.32	9.26	9.79	7.77
Lain-lain	(0.22)	0.10	(0.23)	(0.43)	0.10
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## HLA VENTURE MANAGED FUND


	Wajaran %				
	2014	2013	2012	2011	2010
Pembinaan	12.54	14.47	15.28	16.03	-
Produk pengguna	9.25	6.00	3.35	2.86	4.86
Kewangan	9.93	13.87	10.05	12.62	14.83
